



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

(10) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

15 November 2009

SIARAN MEDIA

PENGHUNI RUMAH PROJEK HOUSE BUILD DI SARAWAK TERBELA

KUCHING, SARAWAK 15 Januari 2010, Keprihatinan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjayakan Projek *House Build* sempena dengan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2009 berjaya membela nasib golongan miskin bandar di negari ini dari desakan hidup kata Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas meninjau dan melawat projek house built di Kampung Pulo Hilir dan Kg. Semarang Jaya, Kuching di sini.

Katanya, tujuan utama diadakan Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah bagi mengingatkan masyarakat dunia akan kepentingan dan tanggungjawab semua pihak dalam memastikan kehidupan dan petempatan yang lebih sempurna dan selesa di masa hadapan.

Lajim berkata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku pusat tumpuan kebangsaan bagi aktiviti Sambutan Hari Habitat di Malaysia telah mencadangkan supaya dilaksanakan program perintis *House Build 2009*.

Tambahnya, sebanyak 3 buah negeri telah dipilih di mana setiap negeri dipersetujui untuk dibaik pulih sebanyak 2 buah rumah untuk dijadikan perintis kepada program berkenaan.

” Dua buah rumah telah dipilih di Negeri Sarawak, iaitu sebuah rumah di Kampung Pulo Hikir dan satu lagi di Kampung Semarang Jaya, Kuching”.

”Rumah-rumah ini dipilih berdasarkan kepada isirumah yang telah didaftarkan di bawah sistem e-Kasih iaitu satu sistem pangkalan data yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri”.

”Fungsi e-Kasih ini dibangunkan adalah bagi mengumpul dan memantau jumlah keluarga-keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negara,” kata beliau.

Beliau berkata, Ini merupakan antara inisiatif Kerajaan dalam memastikan kemiskinan tegar dapat dihapuskan di samping mengurangkan kadar kemiskinan bandar.

Jelasnya. Projek *House Build* 2009 ini dilaksanakan melalui peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tujuan sambutan Hari Habitat Sedunia dan disalurkan kepada Habitat for Humanity (HFH) iaitu satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk melaksanakannya.

Beliau berkata, Badan-badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain perlu menyumbang tenaga untuk sama-sama terlibat dalam membantu golongan yang memerlukan bantuan supaya matlamat Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan bandar dapat dicapai.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke wanzainalshahrman@kpkt.gov.my